

Analisis Kosmo!

Pengaruh selebriti dalam dunia politik

BAGI kalangan peminat gusti antarabangsa, Glenn Jacobs atau lebih dikenali dengan nama pentasnya, Kane, merupakan antara ahli gusti paling berjaya dalam sejarah World Wrestling Entertainment (WWE).

Sinonim dengan imej bertopeng, Jacobs yang menerima jolokan 'The Big Red Machine' telah meraih pelbagai koleksi kejuaraan sejak bergelar ahli gusti profesional pada tahun 1992.

Di sebalik reputasi sebagai ahli gusti ganas dan penuh misteri, Jacobs, 50, yang merupakan seorang selebriti dan ahli perniagaan memenangi pemilihan Datuk Bandar Knox County, Tennessee, Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini.

Kejayaan itu menjadikan beliau ahli gusti profesional kedua yang mencipta nama di pentas politik selepas Jesse Ventura yang menjadi Gabenor Minnesota antara tahun 1999 hingga 2003.

Hakikatnya, penglibatan selebriti dalam politik bukanlah sesuatu yang baharu di AS.

Presiden AS ke-40, Ronald Reagan merupakan seorang pelakon begitu juga Arnold Schwarzenegger, bekas ahli bina badan dan selebriti pernah menjadi Gabenor California sebelum ini.

Situasi itu tidak sekadar berlaku di AS sahaja, di Liberia, George Weah, legenda bola sepak dunia dan selebriti sukan telah memenangi pilihan raya negara itu pada Januari lalu sekali gus dipilih sebagai Presiden Liberia ke-25.

Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohd. Izani Mohd. Zain berkata, penglibatan golongan selebriti sama ada atlet, penyanyi atau pelakon di pentas politik merupakan satu fenomena biasa di luar negara.

Katanya, ia mungkin disebabkan beberapa faktor seperti atas dasar tanggungjawab, mahu menguji populariti diri serta kepuasan peribadi.

"Mereka mungkin sudah dikenali masyarakat dan berjaya dalam bidang masing-masing namun pencapaian dalam politik dilihat melebihi segala-galanya."

"Ini kerana politik membolehkan seseorang itu berkuasa sekali gus berupaya mencapai agenda atau cita-cita yang diidamkan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Mengambil contoh di negara



jiran, Indonesia, beliau berkata, selebriti di negara itu bukan sahaja berkempen atau menjadi penyokong dalam parti politik tetapi turut terlibat dalam dunia politik secara langsung.

"Sebagai contoh, penyanyi Dassy Ratnasari terpilih sebagai ahli Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) mewakili Parti Amanat Nasional untuk tempoh 2014 hingga 2019.

"Pelakon terkenal, Rano Karno dan Pasha, penyanyi kumpulan Ungu juga pernah mewarnai politik republik itu me-

nerusi jawatan Gabenor Banten dan Wakil Wali Kota Palu, Sulawesi Tengah," ujarnya.

Jelasnya, situasi itu bagaimanapun tidak begitu menonjol di Malaysia kerana kebanyakan selebriti lebih selesa bergerak di belakang tabir.

"Jika ada pun, mungkin hanya Allahyarham Tan Sri Jins Shamsuddin kerana pernah dilantik sebagai Senator di Dewan Negara.

"Penyanyi Aishah dan Herman Tino pernah mencuba nasib di gelanggang politik apabila bertanding pada Pilihan Raya Umum ke-13, namun kedua-duanya gagal mendapat sokongan pengundi."

"Ada juga yang mengaitkan nama pelakon dan pengarah filem, Dira Abu Zahar yang berjaya me-

menangi jawatan Ahli Majlis Tinggi UMNO baru-baru ini namun karier politik beliau baru sahaja bermula. Dalam situasi politik semasa, beliau mungkin memerlukan masa untuk lebih menyerlah," katanya.

Bagi Pensyarah Kanan Psikologi Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Mohd. Awang Idris, berdasarkan teori personaliti Gordon Allport, setiap manusia mempunyai enam kategori nilai iaitu teori, ekonomi, estetik, sosial, politik dan agama.

"Mereka yang meminati nilai politik ini lazim bersifat dominan, suka mengawal orang lain dan mempunyai kuasa.

"Mungkin kalangan selebriti yang terlibat secara langsung dalam politik mempunyai ciri-ciri tersebut manakala nama dan populariti yang dimiliki memberi satu nilai tambah kepada mereka.

"Sebab itu, kita lihat golongan selebriti mempunyai kelebihan untuk menarik pengaruh atau sokongan berbanding individu biasa," katanya.

Menurut Mohd. Awang, kejayaan seseorang selebriti dalam politik juga dikaitkan dengan faktor 'kedekatan' kerana identiti mereka mudah dikenali masyarakat.

"Sebagai contoh, Presiden AS, Donald Trump. Sebelum memasuki gelanggang politik, beliau terlebih dahulu mencipta nama sebagai selebriti dan tokoh korporat yang berjaya.

"Mungkin andaian rakyat AS, jika Trump berjaya dalam kedua-dua bidang itu mungkin beliau juga akan berjaya sebagai ahli politik sekali gus membawa kepada kemenangannya," ujarnya.

KEHEBATAN SEKEPING FOTO

SEORANG wanita Iran berjalan melalui mural yang memaparkan sepuak pistol dihalakan pada wajahnya yang dilukis di dinding bekas kedutaan Amerika Syarikat di Teheran kelmarin.